

SEKOLAH KEBANGSAAN STOWELL

14000 BUKIT MERTAJAM

PENTAKSIRAN SUMATIF 1

2017

TAHUN LIMA

BAHASA MELAYU- PEMAHAMAN

BAHAGIAN A [20 markah]

Soalan 1 hingga 16

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

1. Puan Zaiton Kamaruddin Guru Besar di SK Seri Kandi. \_\_\_\_\_ mula bertugas di sekolah itu sejak tiga tahun yang lalu.  
A. Dia  
B. Beliau  
C. Kalian  
D. Mereka
2. “ \_\_\_\_\_ mahu semua rakyat jelata hidup aman damai dan bekerjasama,” titah sultan ketika perhimpunan rakyat.  
A. Beta  
B. Patik  
C. Tuanku  
D. Baginda

**Soalan 3** berdasarkan gambar di bawah.



3. Encik Wong membawa pulang \_\_\_\_\_ pisang dari kebun di belakang rumah.  
A. Sebiji  
B. Sesikat  
C. Segugus  
D. Setandan
4. Selain tapak rumah, ayah Farid juga memiliki beberapa \_\_\_\_\_ tanah di kampung.  
A. Buah  
B. Batas  
C. Keping  
D. Bidang

如果这考卷对您有帮助, 请考虑提供您所拥有的考卷, 让其他人也受惠  
您可电邮至 [30commy@gmail.com](mailto:30commy@gmail.com) 或 PM 我们的 Facebook 专页: [fb.com/sjkcmy](https://www.facebook.com/sjkcmy)

5. \_\_\_\_\_ Ranjit bertugas di bahagian pesakit luar, Hospital Kuala Lumpur.
- A. Jururawat  
B. Inspektor  
C. Doktor  
D. Profesor
6. Roslan \_\_\_\_\_ buah langsung dengan sebatang galah buluh di halaman rumahnya.
- A. Menarik  
B. Mengait  
C. Meragut  
D. Menjolak
7. Logenathan berlari dengan \_\_\_\_\_ untuk memenangi acara lari pecut 4 X 100 meter itu.
- A. Ligat  
B. Deras  
C. Pantas  
D. Kencang
8. Wardina keletihan kerana terpaksa melalui perjalanan yang \_\_\_\_\_ untuk sampai ke desa datuknya.
- A. Jauh  
B. Dekat  
C. Nyaris  
D. Hampir
9. Selain melakukan senaman, pemilihan makanan juga penting untuk hidup \_\_\_\_\_ sihat.
- A. Kurang  
B. Makin  
C. Lebih  
D. Akan

Soalan 10 berdasarkan gambar di bawah.



10. Wanita itu menjerit dengan kuat apabila seorang pemuda \_\_\_\_\_ beg tangannya.
- A. Diragut  
B. Ragutan  
C. Peragut  
D. meragut
11. Kita perlu minum air yang telah \_\_\_\_\_ untuk menjamin kesihatan tubuh badan.
- A. Dikukus  
B. Dimasak  
C. Direndam  
D. dipanggang
12. Bau \_\_\_\_\_ ikan haruan melekat pada baju Siti selepas dia menyangi ikan tersebut.
- A. Hapak  
B. Harum

此考卷版权为该学校所有, 我们仅重新排版, 游览 [30.com.my](https://www.30.com.my) 以下载更多历年考卷  
加入 FB 群 [facebook.com/groups/sjkcmy/](https://www.facebook.com/groups/sjkcmy/) 或专页 [facebook.com/sjkcmy](https://www.facebook.com/sjkcmy) 以获取最新消息

如果这考卷对您有帮助，请考虑提供您所拥有的考卷，让其他人也受惠  
您可电邮至 [30commy@gmail.com](mailto:30commy@gmail.com) 或 PM 我们的 Facebook 专页: [fb.com/sjkcmv](https://fb.com/sjkcmv)

- C. Hamis  
13. Suasana di pasar itu \_\_\_\_\_ dengan suara penjual dan pembeli sedang tawar-menawar harga barangan.  
A. Huru-hara  
B. Ulang-alik  
D. hanyir  
C. Dolak-dalik  
D. Riuhi-rendah
14. Kempen Gaya Hidup Sihat itu \_\_\_\_\_ mendidik masyarakat tentang cara-cara menjaga kesihatan.  
A. Pernah  
B. Sedang  
C. Dapat  
D. sudah

Soalan 15

Pilih ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberikan.

15. Gotong-royong yang diadakan itu adalah untuk mengeratkan hubungan kekeluargaan dalam kalangan penduduk taman ini.  
A. Hasil daripada gotong-royong itu, para penduduk kawasan ini bertambah erat lagi hubungan mereka.  
B. Tujuan gotong-royong itu adalah untuk mengeratkan hubungan kekeluargaan antara penduduk taman ini.  
C. Hubungan kekeluargaan yang bertambah erat di kawasan ini memudahkan program gotong-royong diadakan.  
D. Hubungan kekeluargaan yang erat dalam kalangan penduduk di kawasan ini adalah matlamat program gotong-royong diadakan.

Soalan 16

Pilih ayat yang betul.

16.  
A. Mohan murid paling terpuandai sekali di dalam kelasnya.  
B. Puan Dewi membeli pelbagai jenis kuih-muih untuk sarapan pagi keluarganya.  
C. Kita akan memperolehi banyak ilmu pengetahuan jika kita rajin ke perpustakaan.  
D. Kedua orang anak perempuannya menjadi doctor pakar bedah di Hospital Assunta.

此考卷版权为该学校所有，我们仅重新排版，浏览 [30.com.my](https://30.com.my) 以下载更多历年考卷  
加入 FB 群 [facebook.com/groups/sjkcmv/](https://facebook.com/groups/sjkcmv/) 或专页 [facebook.com/sjkcmv](https://facebook.com/sjkcmv) 以获取最新消息

如果这考卷对您有帮助，请考虑提供您所拥有的考卷，让其他人也受惠  
您可电邮至 [30commy@gmail.com](mailto:30commy@gmail.com) 或 PM 我们的 Facebook 专页

### Soalan 17 hingga 20

*Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.*

Yang dihormati Tuan Pengerusi Majlis, Yang Berusaha Tuan Guru Besar SK Bidor, barisan penolong kanan, guru-guru dan anak didik sekalian. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Persatuan Alam Sekitar sekolah ini kerana sudi menjemput saya untuk menyampaikan ceramah tentang kempen kitar semula.

Hadirin sekalian,

Amalan kitar semula bahan-bahan buangan dapat mengurangkan masalah pencemaran alam sekitar yang semakin hari semakin meruncing. Sikap segelintir masyarakat yang sering memandang ringan terhadap pentingnya amalan kitar semula amatlah dikesali.

Kempen kitar semula merupakan suatu langkah yang bijak. Melalui kempen sebegini kita dapat memberi kesedaran dan pengetahuan kepada masyarakat tentang cara-cara dan kaedah mengitar semula bahan-bahan buangan. Jika bahan buangan ini kita kitar semula, kita telah menyelamatkan ekosistem hidupan akuatik, flora dan fauna daripada terjejas.

Daripada kita membuang barang-barang yang sudah lama itu, lebih baik kita cuba untuk menggunakannya semula. Botol kaca misalnya, dapat digunakan untuk menyimpan air masak. Manakala, botol plastik dipotong separuh untuk dijadikan pasu bunga. Kain langsir lama pula dapat dijadikan kain lap atau didermakan kepada badan kebajikan.

Hadirin yang dihormati,

Amalan ini jika dilaksanakan secara berterusan pasti akan membuahkan hasil yang kita harapkan. Pemberian insentif atau hadiah galakan kepada sesiapa yang menghantar bahan-bahan buangan yang boleh kitar semula ke pusat-pusat pengumpulan. Tawaran sedemikian mungkin dapat memberi galakan kepada orang ramai terutamanya kepada kanak-kanak untuk mengumpul dan menghantar bahan buangan tersebut ke pusat-pusat pengumpulan.

Tampaknya, enam puluh minit telah pun berlalu, setakat ini sahaja maklumat yang dapat saya sampaikan. Saya amat berharap agar kempen kitar semula ini akan berjaya serta mencapai objektif dan matlamat yang kita sama-sama harapkan.

Sekian, terima kasih.

如果这考卷对您有帮助, 请考虑提供您所拥有的考卷, 让其他人也受惠  
您可电邮至 [30commy@gmail.com](mailto:30commy@gmail.com) 或 PM 我们的 Facebook 专页: [fb.com/sjkcmy](https://fb.com/sjkcmy)

17. Ceramah tentang pentingnya amalan kitar semula ini dikelolakan oleh
  - A. Persatuan Hidup Sihat.
  - B. Persatuan Segar Bugar.
  - C. Persatuan Alam Sekitar
  - D. Persatuan Pencinta Alam.
  
18. Orang ramai perlu mengambil berat dan menjayakan kempen kitar semula kerana
  - A. Bahan-bahan kitar semula merupakan barangan yang berharga.
  - B. Sesiapa yang tidak mengitar semula bahan buangan akan didenda.
  - C. Amalan kitar semula dapat mengurangkan pencemaran alam sekitar.
  - D. Kempen kitar semula perlu dilakukan untuk menyelamatkan flora dan fauna.
  
19. Apakah harapan penulis pada akhirnya ceramahnya?
  - A. Supaya orang ramai menjayakan kempen kitar semula
  - B. Supaya orang ramai mengetahui pentingnya kitar semula
  - C. Supaya orang ramai dapat menyelamatkan flora dan fauna
  - D. Supaya orang ramai mempelajari cara-cara mengitar semula
  
20. Pilih pernyataan yang benar tentang petikan ceramah di atas.
  - A. Peserta ceramah hanya dalam kalangan murid-murid sekolah.
  - B. Masyarakat masih memandang ringan terhadap amalan kitar semula.
  - C. Ceramah kempen kitar semula disampaikan oleh Guru Besar SK Bidor.
  - D. Penceramah menyarankan supaya botol kaca terbuang dijadikan pasu bunga.

Bahagian B

Soalan 21

Pilih perkataan yang paling sesuai untuk diisi pada tempat kosong dalam petikan yang diberi.

buah	bidang	deret	Bingkai
kerat	lembar	orang	gelung

Puan Mariam seorang usahawan yang berjaya. Beliau mempunyai ladang ternakan kambing dan lembu yang diusahakan di atas se\_\_\_\_\_ tanah yang luas. Dia turut dibantu oleh beberapa \_\_\_\_\_ pekerja untuk menguruskan ladang ternakannya itu. Semua binatang peliharaannya ditempatkan di dalam enam \_\_\_\_\_ kandang yang sentiasa dijaga kebersihannya oleh para pekerja. Ladang ternakannya juga turut dipasang dengan pagar yang dibina daripada beberapa \_\_\_\_\_ dawai bagi mengelakkannya daripada dicerobohi dan mengawasi binatang ternakan itu daripada keluar merayau-rayau ke merata tempat.

Soalan 22

- a. Tulis ayat tanya yang paling sesuai bagi jawapan yang diberi.

Ayat tanya:

---

---

Jawapan:

Ya, saya dan Shahrul telah terpilih untuk menyertai Perkhemahan Unit Beruniform itu.

- b. Tulis dialog yang sesuai bagi watak di bawah ini.



---

---

- c. Soalan berikut berdasarkan gambar di bawah.





Nyatakan peribahasa yang sesuai berdasarkan gambar di atas.

**Soalan 23**

Teliti jadual di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

NAMA	KEDUDUKAN	UMUR	STATUS
Zakaria	Anak pertama	28	Pegawai Tentera Udara
Zakiah	Anak kedua	24	Mahasiswi UPSI
Zarina	Anak ketiga	21	Mahasiswi UTM
Zakuan	Anak keempat	18	Kolej Matrikulasi Melaka
Zabidin	Anak kelima	15	Tingkatan tiga
Zuraini	Anak keenam	12	Tahun enam

- a. Perkataan **berlawan** bagi **mahasiswi** dalam jadual di atas ialah \_\_\_\_\_.
- b. Berdasarkan jadual di atas, siapakah anak sulung dan anak bongsu dalam keluarga tersebut?

如果这考卷对您有帮助，请考虑提供您所拥有的考卷，让其他人也受惠  
您可电邮至 [30commy@gmail.com](mailto:30commy@gmail.com) 或 PM 我们的 Facebook 专页: [fb.com/sjkcmy](https://fb.com/sjkcmy)

c. Padankan pernyataan di bawah berdasarkan petikan. Satu daripadanya telah ditunjukkan sebagai contoh.

Merujuk jadual yang disediakan, ahli keluarga berkenaan terdiri daripada enam orang adik-beradik.

Daripada enam orang adik-beradik, tiga orang lelaki dan tiga orang perempuan.

Dua orang adik-beradik perempuan sedang melanjutkan pelajaran mereka di menara gading.

Seorang ahli keluarga akan menduduki peperiksaan awam Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun ini.

BETUL

SALAH

#### Soalan 24

Baca petikan cerita di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

"Sang Kancil, kamu hendak ke mana?" tanya Sang Belang.

"Aku hendak beritahu kepada semua warga di rimba supaya segera berpindah," jawab Sang Kancil.

"Mengapa pula mesti berpindah? Sudah bertahun kita tinggal di sini. Aku tak akan berpindah," balas Sang Belang dengan nada yang tinggi.

"Bahaya Sang Belang kalau kita tidak berpindah dari sini. Sekarang musim banjir. Aku dapat tahu empangan di atas bukit akan pecah. Kalau empangan itu pecah, tempat ini akan dilanda banjir besar," jelas Sang Kancil.

a. Sang Belang ialah gelaran kepada \_\_\_\_\_.

b. Mengapa Sang Kancil mahu semua haiwan di rimba berpindah?

---

---

---

c. Garisi kata kerja yang terdapat dalam ayat-ayat di bawah.

1. Pak man mengasah parang-parang itu sehingga tajam.
2. Peryanyi baharu itu menyanyi dengan penuh semangat.
3. Monyet itu memanjat pokok kelapa untuk memetik buah kelapa muda.

此考卷版权为该学校所有，我们仅重新排版，游览 [30.com.my](https://30.com.my) 以下载更多历年考卷  
加入 FB 群 [facebook.com/groups/sjkcmy/](https://facebook.com/groups/sjkcmy/) 或专页 [facebook.com/sjkcmy](https://facebook.com/sjkcmy) 以获取最新消息



如果这考卷对您有帮助, 请考虑提供您所拥有的考卷, 让其他人也受惠  
您可电邮至 [30commy@gmail.com](mailto:30commy@gmail.com) 或 PM 我们的 Facebook 专页: [fb.com/sjkcmy](https://fb.com/sjkcmy)

d. Senaraikan *kata ganda* yang terdapat dalam petikan di bawah.

Alam sekitar penting kepada kehidupan manusia, haiwan dan tumbuh-tumbuhan. Pokok-pokok di sekeliling kita membekalkan oksigen secara semula jadi.

Namun kini, semakin banyak pokok ditebang untuk tujuan pembangunan. Kehijauan bukit-bukau menjadi semakin kurang. Keadaan ini menyebabkan permukaan bumi semakin gondol dan tandus. Hal ini menyebabkan bumi menjadi kering-kontang. Air hujan yang turun mudah diserap oleh permukaan bumi yang tandus.

### Soalan 25

Baca catatan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya menggunakan ayat yang lengkap.

Fahmi dan kawan-kawannya telah pergi ke Perpustakaan Kuala Lumpur. Mereka ingin merujuk ensiklopedia di perpustakaan itu. Fahmi telah membuat catatan aktiviti yang dilakukannya pada hari tersebut. Mari kita baca catatan Fahmi.

#### 8:15 pagi

Ravichandran, Shahrul dan Lim Swce Kwang berkumpul di rumah saya. Kami merancang untuk pergi ke Perpustakaan Kuala Lumpur. Kami memilih untuk menaiki monorel ke Stesen Sentral Kuala Lumpur. Ramai penumpang yang menaiki monorel pada pagi itu.

#### 9:00 pagi

Kami tiba di Stesen Sentral Kuala Lumpur. Sebaik sahaja selesai sarapan, kami ke stesen teksi dan menaiki teksi ke Perpustakaan Kuala Lumpur.

**10:00 pagi**

Kami sampai di Perpustakaan Kuala Lumpur. Sesampainya kami di sana, kami dihampiri oleh dua orang pelancong asing. Mereka bertanya tentang arah ke Muzium Kesenian Islam. Kami memberikan tunjuk arah yang betul kepada pelancong tersebut.

**10:30 pagi**

Kami masuk ke dalam perpustakaan mencari buku yang dikehendaki. Mencatat segala maklumat yang diperolehi dalam buku berkenaan. Kami leka dan seronok membuat rujukan kerana segala bahan yang kami inginkan dapat ditemukan di sini.

**12:30 tengah hari**

Segala pencarian maklumat dapat dijayakan dengan begitu sukses sekali. Kami mula melangkah meninggalkan Perpustakaan Kuala Lumpur pulang ke rumah masing-masing. Selepas ini, kami perlu menyiapkan tugas yang diberikan oleh Cikgu Solehin.

- (a) Fahmi, Ravichandran, Shahrul dan Lim Swee Kwang pergi ke Perpustakaan Kuala Lumpur menaiki dua jenis pengangkutan awam iaitu.

---

---

- (b) Mereka ke Perpustakaan Kuala Lumpur untuk menyiapkan kerja sekolah yang diberi oleh

---

- (c) Ketika sampai di Perpustakaan Kuala Lumpur, Fahmi dan kawan-kawannya menghururkan bantuan menunjukkan arah kepada dua orang pelancong asing yang hendak ke

---

---

- (d) Berpandukan catatan Fahmi dan rakan-rakannya, apakah media utama yang menjadi rujukan mereka? Berapa lamakah masa mereka membuat rujukan di perpustakaan tersebut?

---

---

---

---

如果这考卷对您有帮助，请考虑提供您所拥有的考卷，让其他人也受惠  
您可电邮至 [30commy@gmail.com](mailto:30commy@gmail.com) 或 PM 我们的 Facebook 专页: [fb.com/sjkcmv](https://fb.com/sjkcmv)

Jawapan

- |       |       |
|-------|-------|
| 1. B  | 11. B |
| 2. A  | 12. D |
| 3. D  | 13. A |
| 4. D  | 14. D |
| 5. C  | 15. B |
| 6. B  | 16. C |
| 7. C  | 17. C |
| 8. A  | 18. C |
| 9. C  | 19. A |
| 10. D | 20. B |

[www.30.com.my](http://www.30.com.my)